

15/11/1999

Wan Mokhtar sedia berundur

KUALA TERENGGANU, Ahad - Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad sedia menerima sebarang keputusan pucuk pimpinan dengan hati terbuka, termasuk tidak memilihnya semula untuk bertanding pada pilihan raya umum kali ini.

Katanya, beliau akan mematuhi keputusan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Setakat ini, saya sendiri belum mengetahui sama ada akan dipilih bertanding atau sebaliknya oleh Presiden Umno," katanya sambil menambah, sebelum ini beliau pernah menyatakan hasrat berundur kepada Dr Mahathir tetapi diminta terus bertanding pada pilihan raya umum 1995.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di sini malam tadi.

Wan Mokhtar yang menerajui kepimpinan Umno dan kerajaan Terengganu sejak 25 tahun lalu berkata, jawatan yang disandangnya sekarang bukan untuk `menongkat langit' dan bila sampai masa, beliau akan berundur.

"Kalau tidak dipilih bertanding, saya berjanji akan membantu calon lain yang akan bertanding kerana sebelum ini mereka bekerja kuat untuk kemenangan saya pada pilihan raya lalu," katanya.

Wan Mokhtar juga menafikan dakwaan kononnya Umno negeri ini ketandusan pemimpin pelapis yang layak menggantikannya menyebabkan beliau bertahan sehingga 25 tahun.

Menurutnya, dakwaan itu tidak betul kerana Datuk Dr Yusof Noor (Ketua Penerangan Umno) dan Awang Jabar (Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Besi) adalah dua pemimpin pelapis yang ada menggantikannya.

(END)